

26-1-2026

Pengguna Di Seberang Perai Utara, Tengah Dinasihati Simpan Air Untuk 28 Dan 29 Jan



GEORGE TOWN, 26 Jan (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan melaksanakan kerja penyambungan akhir Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai kedua (SP-RCP ke-2) di Sungai Dua, Rabu ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk K. Pathmanathan berkata pengguna di beberapa kawasan di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah dinasihati menyimpan air secukupnya untuk kegunaan selama 24 jam bermula 28 Jan sebagai langkah berwaspada.

“Di Seberang Perai Utara hanya satu kawasan terlibat iaitu Sungai Dua manakala di Seberang Perai Tengah melibatkan kawasan Alma, Bukit Mertajam termasuk Pekan Bukit Mertajam, Bukit Minyak, Bukit Teh dan Cheroke Tokun.

“Selain itu, turut terlibat ialah Kampung Baru, Kampung Kota, Kota Permai, Machang Bubok, Padang Lalang, Penanti, Permatang Pasir, Sungai Rambai, Taman Bukit, Taman Bukit Indah dan Taman Sentosa,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Pathmanathan berkata PBAPP akan menggunakan teknologi hot tapping dan line stopping bagi melaksanakan kerja penyambungan akhir tanpa menutup saluran paip utama yang membekalkan air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua kepada kira-kira 26,000 pengguna.

Penggunaan teknologi itu tidak akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di Pulau Pinang dan dijangka tidak akan menjejaskan perkhidmatan bekalan air di dua kawasan tersebut, namun kerjasama pengguna untuk menyimpan air diperlukan, sekiranya berlaku perkara tidak dijangka.

Beliau berkata teknologi itu digunakan kali pertama bagi kerja penyambungan akhir melibatkan saluran paip utama berdiameter 900 milimeter di Pulau Pinang.